

20 MAY 1997

Mahathir-Blair

BLAIR MAHU HUBUNGAN YANG LEBIH BAIK DENGAN MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Britain yang baru Tony Blair mahu hubungan yang lebih baik diwujudkan antara negaranya dengan Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Selasa.

"Beliau bukan sahaja mahu melihat hubungan baik yang ada sekarang dikekalkan tetapi juga dipertingkatkan lagi hubungan dua hala," Dr Mahathir memberitahu wartawan selepas perbincangan selama 30 minit dengan Blair di No 10 Downing Street di sini.

Dr Mahathir ialah ketua negara yang pertama dari Asia yang menemui Blair sejak beliau (Blair) mengambil alih sebagai Perdana Menteri Britain dari John Major selepas pilihan raya umum negara itu 1 Mei Lepas.

Beliau berkata mereka juga membincangkan mengenai situasi di Asia, khususnya di Asia Timur.

"Kami juga berbincang mengenai ekonomi secara umum dan tidak mengenai perkara-perkara tertentu," kata Dr Mahathir, yang tiba di sini Isnin untuk lawatan selama lima hari bagi mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pada perbincangan itu, Dr Mahathir diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Kamaruddin Abu.

Hubungan Kuala Lumpur-London mengalami kemerosotan pada tahun 1994 apabila kerajaan Malaysian melarang kontrak kerajaan diberi kepada syarikat-syarikat British sebagai tindak balas kepada dakwaan sebuah akhbar British mengenai wang sogokan yang dibayar kepada pegawai-pegawai Malaysia tertentu berhubung dengan projek ampangan yang dibina oleh syarikat British di Malaysia.

Larangan itu ditarik balik tidak lama selepas itu dan Britain kekal menjadi satu di antara pelabur asing terbesar di Malaysia.

Terdahulu, Dr Mahathir membuka "road-show" MSCnya yang diadakan di Kolej Imperial di sini yang dihadiri oleh lebih dari 1,000 eksekutif utama syarikat-syarikat teknologi maklumat dari beberapa negara Eropah.

MSC ialah pusat untuk syarikat IT multinasional menempatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengeluaran dan perdagangan mereka dengan menggunakan multimedia. -- BERNAMA

AU WAT